

03/07/1999

Intel tambah pelaburan RM2 bilion di Malaysia

M Thillinadan; Ridzuan Yop

INTEL Technology (Malaysia) Sdn Bhd (Intel), syarikat multinasional yang bergiat dalam industri pemasangan dan ujian alatan pemprosesan mikro komputer akan melabur RM2 bilion lagi di negara ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

Naib Presiden dan Pengarah Urusannya, Wong Siew Hai, berkata tahun ini saja Intel akan membuat pelaburan tambahan berjumlah kira-kira RM500 juta.

Menurutnya, sejak mula beroperasi 27 tahun lalu di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang, Intel sudah melabur sejumlah kira-kira RM6 bilion sehingga 6 Disember tahun lalu.

"Tambahan pelaburan berterusan di Malaysia adalah tanda keyakinan kami terhadap iklim pelaburan yang begitu memberangsangkan dan meyakinkan.

"Sudah 27 tahun kami di sini dan operasi Intel terus berkembang disebabkan pelbagai faktor," katanya di majlis perasmian bangunan tambahan PG8 Intel Pulau Pinang, di Zon Perindustrian Bebas, di Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam.

Perasmian bangunan berharga RM540 juta itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bangunan baru itu, dibina bagi membolehkan ujian pengeluaran alat pemprosesan mikro terkini Intel iaitu Pentium III, menggunakan teknologi Organic Land Grid Array (OLGA).

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob dan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr Lim Chong Eu.

Wong berkata, selain daripada kualiti kerja yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia, persekitaran perniagaan yang kondusif, kemudahan infrastruktur, kestabilan politik dan kerjasama kerajaan pusat dan negeri menjadikan Malaysia sebagai negara menarik untuk pelaburan.

Menurutnya, dengan pembukaan bangunan baru PG8 itu, membuktikan komitmen serta keyakinan Intel untuk memainkan fungsinya dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Sementara itu, di majlis yang sama, Perdana Menteri memuji pelabur jangka panjang asing seperti Intel kerana banyak membantu negara khususnya dalam menyediakan pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia amat menghargai dan mengalu-alukan kedatangan pelabur asing jangka panjang ke negara ini tetapi bukan pelabur jangka pendek yang hanya mementingkan keuntungan.

"Pelabur asing yang baik kita akan katakan baik dan pelabur asing yang hanya mencari keuntungan cepat seperti pedagang mata wang hanya akan menyebabkan syarikat menderita dan muflis," katanya.

Intel kini mempunyai lebih 8,000 pekerja mahir di kilangnya di seluruh negara sejak mula beroperasi di Pulau Pinang pada 1972 yang ketika itu hanya mempunyai 100 pekerja.

(END)